zar19990410m

Singapore Government

PRESS RELEASE

Media Division, Ministry of Information and the Arts, #36-00 PSA Building, 460 Alexandra Road, Singapore 119963. Tel: 3757794/5

==========

EMBARGO INSTRUCTIONS

The attached press release/speech is EMBARGOED UNTIL AFTER DELIVERY.

Please check against delivery.

For assistance call 3757795

==========

SPRInter 3.0, Singapore's Press Releases on the Internet, is located at:

http://www.gov.sg/sprinter/

==========

UCAPAN ENCIK ZAINUL ABIDIN RASHEED, SETIAUSAHA PARLIMEN KANAN (EHWAL LUAR) DI SEMINAR 'PERANAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MASJID DALAM MENGHADAPI CABARAN-CABARAN UNTUK MEMBANGUNKAN UMMAH DI ALAF YANG AKAN DATANG' PADA 2.30 PETANG, SABTU, 10HB APRIL,

1999 DI ODITORIUM PUSAT ISLAM SINGAPURA

Masjid-Masjid di Singapura ini begitu menonjol sebagai mercutanda infrastruktur bagi beribadah. Cukup penting juga, ia menyerlah sebagai lambang perpaduan, semangat hidup berdikari dan pembangunan ummah.

National Archives of Singapore

Masyarakat Islam Singapura boleh berbangga dengan pencapaian ini. Sungguhpun sekian lama ia dilihat 'terkial-kial' membangun sebagai sebuah masyarakat minoriti yang serba kekurangan, kini ia mula dilihat sebagai sebuah masyarakat contoh oleh negara jiran dan masyarakat minoriti islam lain di merata dunia.

Namun, seperti yang kita sendiri sedia maklum, perjalanan kita masih jauh. Ia terus menuntut pengorbanan, kerja keras dan pemikiran yang terbuka bagi menjayakannya.

Pendekatan 'holistic' atau pun menyeluruh yang digunakan untuk membangun adalah cukup menguntungkan. Pokoknya, kita mahukan kejayaan dunia-akhirat. Ia sememangnya tuntutan agama suci Islam dan ia adalah tanggungjawab kita bersama - baik anggota masyarakat atau pun pemimpin - untuk terus menjayakannya.

Dan dalam konteks Seminar Masjid petang ini, ia sama relevan bagi para pemimpin

masjid juga. Masjid-masjid di Singapura adalah satu syiar Islam yang menyerlah dalam suasana sebuah negara yang umumnya sekular dan majoriti penduduknya adalah bukan Islam. Pengalaman Singapura memanfaatkan masjid sebagai pusat kemajuan ummah adalah menggalakkan. Ia adalah lebih dari satu tempat persinggahan untuk bersolat. Malah, ia adalah satu wadah dan rangkaian sihat bagi kecemerlangan.

Kecemerlangan bukan sahaja dari segi kegemerlapan seni bina, infrastruktur dan perhiasan, tetapi lebih penting lagi, dari segi kesediaan dan persiapannya bagi membawa masyarakat Melayu/Islam Singapura bersama-sama mengharungi cabaran-cabaran hari muka, umumnya, apabila kita menghadapi zaman persaingan dan globalisasi kurun ke-21 atau alaf yang baru ini. Masjid-masjid Di Singapura kini diterima sebagai lambang bagi beberapa nilai dan infrastruktur hidup yang penting, khususnya dalam suasana hidup yang berlumba-lumba menimba ilmu dan mengejar kemajuan. penuh persaingan, cabaran perbandaran, hidup berharmoni berbilang agama dan perpaduan.

Antara lain, masjid-masjid memberi peluang, membawa dan menonjolkan semangat hidup berdikari, kuasa dan keupayaan melakar dan merancang pembangunan sendiri. Ia juga membina dan mengumpul harta (asset) umum bagi masyarakat.

Di samping itu, ia juga dapat memperteguh ikatan saling melengkapi antara masjid, harta wakaf, baitulmal dan madrasah. Ia berjaya menebar jala rangkaian pemimpin dan menjadi tunggak hidup berharmoni dalam konteks masyarakat berbilang agama.

Para pemimpin masjid perlu sedar hakikat ini. Potensi yang tersedia di masjid-masjid ini menuntut agar para pemimpinnya pula dilatih dan dipersiap untuk mengoptimumkan potensi yang ada di masjid-masjid kita ini.

Cuba kita lihat rangkaian masjid yang ada di Singapura ini. Sejak 1975 bila Dana Pembinaan Masjid di mula, lebih dari $75 juta telah jaya dikumpul dari masyarakat untuk membina masjid-masjid bandar baru. Di bawah Tahap Pertama dan Kedua, 16 buah masjid serbaguna indah tersergam telah dibina dan ditadbir dengan baik.

Masjid pertama di bawah Tahap Ketiga, Masjid AlKhair, telah pun dibuka. Dua buah masjid lagi - Masjid Al Istiqamah di Serangoon North dan Masjid Al Istighfar di Pasir Ris - akan dibuka tidak lama lagi. Dua buah lagi - Al Iman di Sembawang dan sebuah lagi di Bukit Panjang - menanti dibina. Malah beberapa buah lagi dijangka dibina di bawah Tahap Keempat kelak, insyaAllah. Rancaknya rancangan pembinaan masjid di sini juga adalah simbol talian percayaan dan keyakinan masyarakat terhadap MUIS dan para pemimpin masjid.

Talian saling percaya-mempercayai ini perlu dijaga dengan baik kerana hanya dengan sokongan masyarakat yang berterusanlah dapat kita memanfaatkan sepenuhnya peranan dan potensi yang ada di masjid-masjid kita.

National Archives of Singapore

Keadaan berubah dan cabaran di alaf yang baru ini juga akan bertambah berat. Bagaimana pula dengan persiapan para pemimpin masjid untuk membantu masyarakat Melayu/Islam Singapura yang hidup dalam suasana masyarakat berbilang bangsa-agama yang mengamalkan dasar meritokrasi.

Kemajuan teknologi maklumat yang begitu pesat, peningkatan mutu pendidikan yang tinggi lagi kreatif, kelahiran masyarakat kosmopolitan dengan kemasukan bakat-bakat asing, dan juga peningkatan bilangan warga tua adalah sebahagian daripada cabaran-cabaran yang akan kita sama-sama alami di alaf yang akan datang.

Sebagai pemimpin masjid yang telah diamanahkan, anda mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan ummah agar kita tidak nanti ketinggalan di belakang dan dihanyutkan oleh arus kemajuan dan perubahan yang begitu pesat. Sebagai seorang anggota jawatankuasa, imam dan asatizah sekalipun, anda seharusnya memastikan bahawa masyarakat Islam kita dapat bersama-sama menikmati hidup yang sejahtera dan bahagia

seiring dengan kemajuan yang pesat di alaf yang akan datang.

Para pemimpin masjid juga perlu sedar bahawa keperluan masyarakat kita khususnya generasi muda pada masa akan datang adalah begitu canggih dan kritikal sekali.

Selaras dengan era KBE (ekonomi berteraskan ilmu) yang seiring diperkatakan sejak akhir-akhir ini, amat tepat sekali untuk saya sarankan agar para pemimpin masjid untuk tidak ketinggalan bersama-sama mengikuti apa saja jenis kursus atau latihan yang sesuai untuk meningkat dan melengkapkan diri masing-masing.

Dengan cara demikian para pemimpin masjid akan lebih yakin lagi untuk menghadapi cabaran-cabaran yang akan dihadapi kelak. Sebagai pemimpin masjid, anda merupakan orang yang sentiasa berhadapan dengan masyarakat Islam kita yang sering berkunjung kemasjid untuk beribadah dan mengikuti kegiatan-kegiatan keagamaan yang disediakan.

Dalam hubungan ini, saya berharap pihak MUIS akan dapat terus memikir dan mengatur kursus atau latihan untuk para pemimpin masjid sebagai persediaan bagi menghadapi cabaran-cabaran suasana KBE itu.

Para pemimpin masjid ini harus dijadikan teladan sebagai penggerak zaman KBE di kalangan masyarakat Melayu/Islam.

Ikatan kepemimpinan di kalangan pucuk pimpinan masjid adalah cukup besar. Kini hampir 1,000 orang duduk dalam pucuk pimpinan masjid. Jika ia dapat digerak untuk menjalani kursus-kursus bagi mempersiapkan diri bagi ekonomi berteraskan ilmu ini, anggota masyarakat yang lain akan menjadi lebih terdorong bagi mengisi keperluan yang mendesak ini.

Semoga seminar pada hari ini diberkati Allah, dan seterusnya menghasilkan rumusan-rumusan yang konkrit untuk dijadikan landasan untuk membantu usaha kita bersama membangunkan ummah di alaf yang akan datang.

National Archives of Singapore

Saya mempunyai keyakinan yang tinggi sekali bagi para pemimpin masjid Singapura ini dan saya berharap kita dapat melihat terhadap soal peranan mereka bukan hanya dari konsep peranan tradisional mereka dari segi pentadbiran masjid dan soal pelajaran agama pada pengertian sempit, sahaja tetapi sebalinya dari segi potensi mereka sebagai pemimpin dan teladan umum bagi cabaran-cabaran masyarakat bagi alaf yang mendatang ini.

Seminar ini mempunyai peranan penting untuk mengupas dan menghalusi soal seperti ini. Semoga seminar pada hari ini diberkati Allah dan seterusnya menghasilkan rumusan-rumusan yang konkrit untuk dijadikan landasan bagi membantu usaha kita bersama membangun ummah di alaf yang akan datang, insyaAllah.

. . . . .

National Archives of Singapore